KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN
YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS ANUGERAH TEKNOUSAHAWAN TVET@KKDW 2023

TARIKH / MASA

29 APRIL 2024 (ISNIN)

8.00 MALAM – 10.30 MALAM

TEMPAT

HOTEL PREMIERA, KUALA LUMPUR

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan diberikan semasa Majlis)

PENDAHULUAN

1. Di Malaysia, Kerajaan sangat menitikberatkan kepentingan membangunkan usahawan lebih-lebih lagi memperkasa golongan belia. Potensinya terlalu besar, jika kita lihat Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) ia menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) negara sebanyak RM520 bilion, itu adalah dengan anggaran 38% daripada KDNK negara (2023) dan ia mampu mencapai 45% menjelang 2025.

2. Dalam ruang lingkup keusahawanan yang besar itu, juga terangkum satu cabang bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang bukan sahaja mahir dalam bidang keusahawanan tetapi mampu mengatasi cabaran menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan mendepani arus revolusi teknologi yang semakin pantas. Jadi, Malaysia perlu melahirkan lebih ramai masyarakat yang mempunyai pengetahuan saintifik dan kemahiran teknologi, dan mereka juga mampu mengusahakan di dalam arena perniagaan, atau

singkatannya melahir golongan TEKNO-USAHAWAN.

3. Oleh kerana itu lah kita berkumpul pada hari ini – pada **Majlis Anugerah Teknousahawan TVET KKDW 2023** bagi menghargai ketabahan dan kecekalan para penggerak teknousahawan melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah KKDW. Kita ingin meraikan institusi, tenaga pengajar, pelajar dan alumni Institusi TVET KKDW yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam Program Keusahawanan TVET atau Teknousahawan.

4. Sebagai Pengerusi Majlis TVET Negara, apatah lagi Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah – inisiatif serta komitmen yang dizahirkan menerusi penganjuran pelbagai program dan aktiviti keusahawanan TVET sejak saya berada di dalam Kementerian ini membuktikan bahawa KKDW sentiasa komited dalam mendokong usaha Kerajaan untuk agenda pemerkasaan TVET.

5. Seorang teknousahawan yang sangat terkenal dan juga pengasas syarikat Apple, mendiang Steve Jobs pernah berkata bahawa *"separuh yang membezakan usahawan yang berjaya dengan usahawan yang tidak berjaya adalah pure-perseverance atau ketabahan yang tulen".* Dalam erti kata lain, menjadi usahawan bukanlah mudah. Usahawan perlu cekal, kental dan tabah, serta perlu mempunyai jiwa dan roh keusahawanan untuk berjaya.

6. Syabas dan tahniah kepada bakal-bakal penerima anugerah pada malam ini. Anugerah ini melambangkan kemampuan dan kejayaan yang telah dicapai atas kegigihan dan usaha saudara dan saudari secara individu mahu pun organisasi dalam mencapai keunggulan

dalam bidang teknologi, keusahawanan dan kemahiran. Usaha yang telah dilakukan sekaligus melayakkan saudara dan saudari diberi pengiktirafan dan mendapat penghargaan sewajarnya.

7. Saya dimaklumkan bahawa terdapat 7 anugerah berprestij yang akan dipertandingkan dalam 3 kategori utama iaitu Kategori Institusi, Kategori Individu dan Kategori Ikon. Sebuah Anugerah Khas diwujudkan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada ikon yang menunjukkan pencapaian yang luar biasa, berimpak besar dan sumbangan kepada komuniti dalam bidang keusahawanan. Pemenang Anugerah Khas ini akan dinobatkan sebagai Ikon Teknousahawan TVET@KKDW 2023!

8. Saya melihat anugerah sebegini merupakan wadah yang mampu melestarikan usaha berterusan untuk mengangkat martabat Pendidikan TVET ke suatu tahap yang lebih tinggi. Saya berharap anugerah ini akan menjadi pendorong kepada peningkatan motivasi, prestasi serta sumbangan untuk semua pihak dalam rangka melonjakkan kecemerlangan keusahawanan TVET.

PEMBANGUNAN DAN INOVASI TEKNOUSAHAWAN

Hadirin sekalian,

9. Bila kita berbicara mengenai TeknoUsahawan, secara umumnya ia adalah cabang bidang keusahawanan yang mengaplikasi dan menggunapakai teknologi di dalam pengeluaran produk, perkhidmatan, pengurusan perniagaan dan pembuatan keputusan berkaitan perniagaan.

10. Program Keusahawanan TVET atau TeknoUsahawan di KKDW telah bermula sejak tahun 2006 dengan program inkubator di institusi-institusi kemahiran. Program ini kemudian berkembang dengan program-program lain seperti Program Keusahawanan Digital (eUsahawan), Program *Mobile Technical Services*, Program Diploma Teknousahawan, *Training & Income Generation* (TRIG), Program Teknoputra, *Mobilepreneur* dan Program Keusahawanan Sosial.

11. Sebagai pelopor utama yang telah mewujudkan sebegitu ramai usahawan sejak lebih setengah abad lalu – MARA melalui pelaksanaan model pendidikan keusahawanan seperti MARA *Startup and Accelarator Edupreneur Model* (MSEAD) di Institusi Pendidikan MARA (IPMa), pelbagai program keusahawanan dibentuk menjadi lebih berstruktur dan holistik. Kelebihannya, walaupun berada di institusi pendidikan ia tetap memberi peluang kepada para pelajar menjana pendapatan semasa di dalam pengajian di samping meningkatkan tahap kebolehpasaran para pelajar itu sendiri.

12. Jadi saya percaya, sudah sampai masanya program-program pendidikan sedia ada diperkasa dan pendekatannya diberi nafas baru agar usahawan sedia ada atau yang bakal dilahirkan sentiasa lestari dan kekal mampan dalam pasaran. Program keusahawanan ini juga wajar diberi penekanan oleh institusi-institusi TVET di bawah Agensi KKDW selain MARA.

PENJENAMAAN TEKNOUSAHAWAN

13. Penjenamaan bidang TeknoUsahawan juga suatu yang kritikal agar ia kekal relevan dengan *demand* semasa. Sebagai contoh, bila wujudnya Diploma Teknousahawan Pengeluaran Perabot (KBNET), di Institut Kemahiran Mara (Alor Setar) pada tahun 2016, ia kemudiannya telah mencipta ramai usahawan baharu dalam bidang perabot. Malah, ia telah merancakkan industri perabot bumiputera sehingga ke tahap pasaran eksport.

14. Kemudian saya nampak IKM dan KKTM terus mengorak langkah, dengan berjaya melonjakkan penjenamaan Diploma TeknoUsahawan dan menawarkan beberapa bidang perkhidmatan berdasarkan teknologi lain kepada yang berminat. Antaranya Diploma Teknousahawan Elektrik (jenama ProPower) di IKM Seberang Prai Utara, Diploma Teknousahawan Penyamanan Udara (jenama Myekon) di IKM Kuala Lumpur bagi bidang penyamanan dan pendingin hawa serta Diploma Teknousahawan Percetakan Fabrik (jenama FabriStar) di IKM Alor Setar.

15. **Sehingga tahun 2023, pendapatan keseluruhan 418 usahawan muda pelajar-pelajar Diploma TeknoUsahawan dari 8 kluster bidang TVET ini telah mencapai penjualan atau *sales* sebanyak RM 60 juta secara keseluruhan semasa dalam tempoh pengajian. Syabas saya ucapkan! Ini adalah suatu yang harus dibanggakan dan dijadikan *success story*!**

TVET DAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

Hadirin sekalian,

16. Realiti negara pada hari ini menyaksikan bahawa ekonomi berasaskan teknologi digital merupakan satu daripada tiga sektor strategik bernilai tinggi dan mampu merancakkan pelaburan serta menawarkan pekerjaan bergaji tinggi kepada rakyat, selain daripada sektor peralihan tenaga ke arah tenaga boleh baharu, dan industri keterjaminan makanan.

17. Justeru, saya mahu peranan Institusi TVET KKDW diperkukuhkan. Saya mahu budaya TeknoUsahawan dalam kepimpinan tenaga pengajar dan pelajar lebih giat diperkasakan. Saya mahu TeknoUsahawan ini menjadi satu pemangkin baharu dalam kita menggerakkan aliran TVET di dalam negara. *Everyone has to play their role, all stakeholders must take part in this.*

18. Kebetulan saya adalah Pengerusi Majlis TVET Negara dan Pengerusi Majlis Pembangunan Usahawan dan PMKS Kebangsaan (MPUPK). Saya akan selaraskan bersama Menteri-Menteri dan Kementerian yang berkenaan. Kita mesti berusaha menggabungkan dua kelebihan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan untuk mencipta inovasi yang mampu memimpin kemajuan ekonomi negara di masa hadapan.

19. Saya juga inginkan TeknoUsahawan ini menjadi *trendy brand* yang buat anak muda tertarik dengannya. Saya tidak mahu kita ketinggalan dalam pentas perubahan teknologi yang bergerak begitu pantas dan sukar jangka ini – anak muda negara mesti berada di dalam nya. Sapa sangka Artificial Inteligence (AI) bakal menguasai teknologi dunia?

Hanya dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, tahap keupayaan teknologi itu begitu pesat dipacu oleh perkembangan teknologi pengkomputeran dan digital. Namun, perkembangannya juga signifikan dalam melahirkan ramai tokoh-tokoh TeknoUsahawan yang mampu menjana kekayaan melalui produk dan perkhidmatan berasaskan teknologi digital dan AI yang mereka bangunkan.

20. Bila saya sebut nama tokoh Teknousahawan antarabangsa seperti Bill Gates, Steve Job, Mark Zuckerberg dan Elon Musk, boleh dikatakan semua hadirin yang berada di sini mengenali produk teknologi yang dihasilkan oleh syarikat mereka, tetapi, saya ingin sebutkan bahawa kita juga mempunyai tokoh-tokoh Teknousahawan tempatan yang tidak kurang hebatnya seperti Tan Sri Tony Fernandes yang membangunkan Air Asia sebagai inisiatif penerbangan tambang murah, Datuk Vivy Yusof, usahawan fesyan yang mengasaskan FashionValet, Mark Chang Mun Kee, usahawan teknologi yang mengasaskan portal JobStreet yang memudahkan urusan orang ramai mendapatkan tawaran pekerjaan serta ramai lagi.

21. Oleh itu, saya berharap, melalui pemerkasaan TVET di Negara ini, kita mampu mencipta dan mewujudkan lebih ramai lagi nama-nama baharu dalam kalangan belia yang membangunkan produk-produk berasaskan teknologi dan berimpak tinggi kepada para pengguna.

22. Saya faham nak jadi usahawan yang berjaya pastinya mereka mesti berani mengambil risiko:

- Risiko untuk mengadaptasi teknologi baharu.
- Risiko untuk keluarkan produk baharu dan seterusnya berhadapan dengan risiko tiada permintaan yang tinggi. *There's no scale of*

economy.

- Risiko untuk produk syarikat ditiru oleh orang lain.
- Risiko untuk bersaing secara sihat dengan pesaing-pesaing besar yang ada ketika ini.

23. Namun, itulah asam garam dunia keusahawanan atau perniagaan. Sebab itu anda kena ada *edge* atau kelebihan seperti ilmu dan kemahiran TVET untuk hasilkan produk atau perkhidmatan yang unik, berkualiti, berinovasi dan mempunyai nilai komersil yang tinggi. Apabila anda mampu *trendset the market* dan sekaligus *raise the bar*, pasaran akan menjadi lebih dinamik dan boleh ditembusi. Betul, ia cabaran yang besar, tetapi saya percaya di hadapan saya ini lah yang akan melahirkan idea-idea baharu dan segar untuk memangkin pertumbuhan ekonomi negara. Boleh?

24. Kalau **Agenda TeknoUsahawan Negara** ini berjaya, pasti banyak peluang pekerjaan akan dihasilkan. Ia akan membina ekosistem yang akan membuka lebih banyak nilai tambah buat rakyat Malaysia. Jadi, bekerjasama lah. Rangkaian usahawan TVET mesti saling bekerjasama untuk cipta lebih sinergi dengan pihak industri dan institusi TVET. Jaringan kerjasama yang rapat ini dapat menggalakkan usahawan berkongsi sumber, ilmu, kepakaran dan pengalaman, dan seterusnya membuka pelbagai peluang untuk mencipta perniagaan yang berdaya saing. Insya-Allah.

PENUTUP - AGENDA TEKNOUSAHAWAN NEGARA

25. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin tekankan sekali lagi - TeknoUsahawan merupakan aset negara yang dapat

memperkasa sektor pendidikan dan ekonomi. Saya mahu institusi TVET lebih agresif dalam membangunkan dan menerapkan kurikulum keusahawanan dalam silibus pengajaran dan pembelajaran untuk pelajar dan pelatih TVET. Silibus mesti *up-to-date* sepantas pergerakan teknologi global.

26. Saya mahu institusi TVET menyediakan platform dan dana untuk *'start-up'* perniagaan kepada para pelajar dan alumni TVET memulakan keusahawanan TVET. *Change the mindset* menjadikan TeknoUsahawan sebagai kerjaya masa hadapan.

27. Saya juga inginkan semua institusi TVET agar dapat menyediakan peluang dan ruang kepada tenaga-tenaga pengajar bidang TeknoUsahawan untuk mengikuti kursus dan program *upskilling* dan *reskilling* yang bersesuaian untuk peningkatan kendiri dan seterusnya menghasilkan lebih ramai TeknoUsahawan yang berjaya.

28. Saya menaruh keyakinan bahawa penganjuran anugerah ini mencapai matlamat penganjurannya serta menyuntik semangat dan motivasi kepada semua warga Institusi TVET KKDW untuk terus menyumbang perkhidmatan yang terbaik dan bersaing secara sihat untuk melakar kejayaan demi kejayaan.

29. Bagi semua di hadapan saya, juga belia di luar sana - jadilah teknousahawan yang bijak, berani dan inovatif. Pelbagai peluang dan kejayaan yang tiada hadnya menanti anda di luar sana. Sama ada anda berjaya atau tidak mendapat anugerah malam ini, **anda tetap juara dalam memartabatkan Agenda TeknoUsahawan Negara.** Terima

30. Semoga Majlis ini memberi inspirasi kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.